

MCA Pulau Pinang Sokong Penuh Keputusan Tidak Bertanding PRK Bukit Gelugor
Bernama
May 11, 2014

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- MCA Pulau Pinang menyokong penuh keputusan Majlis Presiden MCA bahawa parti komponen Barisan Nasional (BN) itu tidak akan bertanding pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Bukit Gelugor, Pulau Pinang pada 25 Mei ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA Pulau Pinang Datin Paduka Chew Mei Fun berkata MCA perlu memberi tumpuan sepenuhnya kepada krisis Perlembagaan yang dicituskan PAS berhubung cadangan pelaksanaan hukum hudud.

"Jawatankuasa Perhubungan MCA Pulau Pinang berpendapat, pelaksanaan hukum hudud oleh PAS akan mencetuskan krisis Perlembagaan.

"Ini merupakan satu cabaran besar selepas kemerdekaan negara kerana ia akan dibentangkan di Parlimen, dengan itu menyebabkan kebimbangan di seluruh negara," katanya dalam kenyataan di sini Ahad.

Semalam, Setiausaha Agung MCA Datuk Seri Ong Ka Chuan mengumumkan MCA tidak akan bertanding kerusi berkenaan kerana ingin memberi tumpuan kepada isu hudud.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037389>